

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 21 JULAI 2004, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 9

MENGANGKAT SUMPAAH

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 50-100401
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pihak manakah yang mempunyai kuasa untuk memberi pengiktirafan kepada universiti-universiti di luar negara dan adakah pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menghubungi pihak tersebut sebelum seseorang pelajar ditaja untuk melanjutkan pelajaran bagi memastikan masalah pengiktirafan tidak berlaku setelah pelajar tersebut tamat pengajian.
2. 10-100308
Datuk William Lau Kung Hui minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada tekanan yang dihadapi oleh ringgit berbanding Euro dan Dollar Australia sejak 6 bulan lalu akibat dari penggantungan mata wang kita kepada Tambatan Ringgit kepada Dollar US dan adakah keadaan ini akan menjejaskan kestabilan ekonomi negara. Apakah Kementerian mempunyai sebarang perancangan untuk memansuhkan Tambatan Ringgit atau menilainya semula.
3. 8-100387
Tuan Saravanan a/l Murugan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah pelan tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian untuk syarikat-syarikat pengeluaran tempatan yang menghadapi kerugian besar akibat kenaikan harga besi dalam masa setahun yang lalu.
4. 19-100187
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa Kementerian tidak mengambil inisiatif untuk memindahkan pesakit kronik yang ditempatkan di hospital swasta ke hospital Kerajaan, terutamanya bagi kes-kes yang memerlukan kos rawatan yang tinggi dan keluarga pesakit tidak mampu membiayai kos rawatan tersebut di hospital swasta.

5. 47-100094
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah komprehensif yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi import bahan makanan yang begitu tinggi di negara kita.
6. 12-100391
Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi menghalang lebih ramai wanita Melayu menjadi GRO yang bekerja di pusat-pusat hiburan dan apakah tindakan Kementerian bagi membantu mereka dari terus menceburkan diri di dalam profesion tersebut.
7. 41-100063
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah jerebu.
8. 40-100183
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian bercadang tidak membenarkan penyiaran rancangan berbentuk hiburan gusti (wrestling) yang ke udara melalui TV3 disiarkan untuk tontonan umum kerana ia boleh mempengaruhi dan memberi kesan kepada penonton khususnya golongan remaja.
9. 35-100053
Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah terbaik bagi menyekat atau mengawal lebih ramai pendatang tanpa izin yang dianggarkan 1.2 juta di Malaysia yang banyak mengancam keselamatan negara.
10. 20-100081
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilangan usahawan yang telah berjaya dalam pelbagai bidang dan apakah rancangan untuk meningkatkan usahawan baru di dalam bidang profesionalisme, contohnya dalam bidang Teknologi Maklumat dan Multimedia ke arah merebut peluang kerjaya yang semakin kompetatif.

11. 27-100341
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-
- (a) senarai semua jenis latihan kemahiran yang disediakan oleh Kementerian untuk golongan remaja yang menganggur dan adakah semua latihan ini diselaraskan bagi memudahkan mereka mendapatkan latihan itu; dan
 - (b) adakah Kerajaan menyedari bahawa ramai Orang Kurang Upaya (OKU) gagal mendapat tempat di jabatan dan agensi Kerajaan walaupun mereka mempunyai pelajaran dan kemahiran yang sewajarnya. Jika benar, apakah rancangan Kementerian bagi membantu golongan ini.
12. 46-100121
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah terdapat sebarang kes berkaitan "gay" dan "lesbian" yang dirujuk kepada Kerajaan dan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi membendung penularan fenomena penyakit sosial ini secara senyap dalam negara ini.
13. 13-100197
Tuan Udam @ George Adam bin Talek minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi memastikan harga barang keperluan pengguna tidak naik sejak harga petroleum dinaikkan baru-baru ini.
14. 4-100209
Puan Jaya Partiban minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi menentukan rakyat berbilang kaum benar-benar memahami adat resam dan kebudayaan setiap kaum.
15. 26-100190
Tuan Zainal bin Rampak minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan mengapakah institusi bank-bank tempatan mengenakan caj tambahan untuk perkhidmatan mereka seperti caj cek tunai perseorangan RM2, cek syarikat RM5 dan transaksi ATM RM0.50. Caj-caj tersebut bukan sahaja membebankan para penyimpan malahan boleh membantutkan usaha Kerajaan menggalakkan rakyat menyimpan.

16. 31-100154
Datuk Benedict Bujang Tembak minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian berkenaan "applied strictly the system of meritocracy" dalam memilih pemohon-pemohon masuk ke semua universiti tempatan pada tahun ini. Jika ada, berapakah permohonan dari luar bandar negeri Sarawak yang gagal mendapat tempat.
17. 18-100020
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan yang perlu diambil terhadap jumlah kenderaan yang semakin meningkat sepanjang tahun dan tindakan drastik yang perlu diambil terhadap kenderaan lama yang masih diguna pakai.
18. 23-100098
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) berapakah bilangan kes jenayah seksual yang berlaku di tempat awam yang melibatkan orang awam dan sumbang mahram iaitu sesama ahli keluarga sendiri setakat Jun 2004; dan
 - (b) apakah tindakan perundangan yang telah diambil terhadap penjenayah-penjenayah tersebut.
19. 49-100355
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai keinginan untuk menghadkan kemasukan pendatang-pendatang asing ke negara ini berdasarkan pertambahan pekerja asing terutamanya di dalam sektor pembinaan.
20. 30-100222
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah rancangan Kementerian untuk menyusun gred perjawatan bagi Guru Besar di sekolah-sekolah rendah dengan yang berijazah agar seimbang dengan kemasukan guru penolong berijazah sekarang.
21. 45-100141
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah persediaan-persediaan yang telah diambil oleh Kerajaan bersama Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) dan Institut Jurutera Malaysia (IEM) bagi melaksanakan pemansuhan Sijil Layak Menduduki (CF) khususnya dari aspek keselamatan penghuni dan kualiti rumah.

22. 43-100071
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah rasionalnya menukar nama Kementerian Pendidikan kepada Kementerian Pelajaran sedangkan makna Pendidikan itu lebih menyeluruh.
23. 12-100381
Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah usaha pemantauan, penyiasatan dan tindakan dilakukan oleh Kerajaan terhadap kumpulan pendatang asing yang membawa masuk dan mengamalkan ajaran sesat ataupun tarekat yang bertentangan dengan ajaran Islam sebenar dan setakat ini berapa banyak kumpulan penyeleweng itu yang telah dikenal pasti dan berapa yang terlibat itu sudah diambil tindakan dan apakah bentuk tindakannya.
24. 35-100017
Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengapakah ramai (13,000) gadis Kelantan menjadi GRO di Lembah Kelang (mengikut laporan akhbar). Adakah perkara ini benar, sekiranya benar apakah puncanya sama ada faktor kemiskinan, tiada peluang pekerjaan atau lain-lain faktor.
25. 20-100069
Tuan Osman bin Bungsu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) berapakah jumlah pelajar warganegara Malaysia mengikut pecahan bangsa yang menuntut di luar negara dibiayai oleh Basiswa Kerajaan; dan
 - (b) apakah kriteria pengiktirafan khusus oleh Kementerian bagi melayakkan pelajar-pelajar mendapat biasiswa tersebut.
26. 39-100328
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi masalah jerebu yang telah berulang kali berlaku di negara kita. Bagaimanakah pihak Kerajaan bekerjasama dengan negara jiran bagi membantu mengawal pembakaran hutan yang dijalankan secara terbuka.
27. 44-100103
Puan Safinah binti Jusoh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang ada bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak agar turut mengambil kira perkembangan semasa negara dan dunia khususnya kos taraf hidup yang semakin meningkat.

28. 45-100128
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah faktor yang menyebabkan berlakunya peningkatan hutang keseluruhan Malaysia pada 2003 berbanding 2002, dan apakah rancangan yang telah diatur oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) untuk mengimbangi hutang ini dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).
29. 37-100111
Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
- (a) sejauh mana langkah-langkah yang telah diambil bagi mendidik pembayar cukai individu untuk mentaksir cukai pendapatan sendiri telah menampakkan kejayaan setakat ini; dan
 - (b) adakah Kerajaan akan memperkenalkan kaedah pembayaran cukai pendapatan secara elektronik selaras dengan program pembangunan Kerajaan elektronik (e-government).
30. 42-100243
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan keupayaan teknologi negara kita berbanding dengan negara-negara Asean terutamanya Singapura.
31. 9-100295
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah punca jalan di Lebuhraya Bertingkat MR2 mendap, adakah disebabkan oleh kedudukan geologi ataupun terdapat unsur-unsur kecuaiian dan salah laku manusia.
32. 53-100216
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah pecahan usahawan belia bumiputera dan bukan bumiputera yang masih aktif dan apakah punca yang dikenal pasti yang menyebabkan segelintir golongan usahawan ini gagal atau tidak berjaya meneruskan aktiviti mereka dan apakah langkah yang diambil bagi menerangkan bantuan yang disediakan oleh pihak Kementerian bagi membantu usahawan-usahawan ini, dan adakah cara ini membawa manfaat dan berhasil.

33. 6-100286
Datin Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan penjelasan tentang keharusan pinjaman TEKUN memandangkan ia mengandungi unsur-unsur riba walaupun ia digunakan untuk membantu peniaga-peniaga baru.
34. 27-100350
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan penggunaan kotak hitam di dalam bas dan lori kerana banyak aduan diterima yang mempertikaikan kemampuan kotak hitam dalam usaha membendung kemalangan jalan raya. Jika benar, adakah kaedah pemeriksaan untuk menguji kotak hitam itu berkesan atau tidak.
35. 22-100202
Dato' Dr. Vijyaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bahawa perkembangan siasatan ke atas sebuah sekolah yang dituduh membenarkan jualan kayu pembaris (ruler) di kedai bukunya yang menunjukkan logo sebuah parti politik.
36. 51-100087
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan:-
- (a) rancangan yang telah dan akan dilaksanakan untuk memastikan sungai-sungai tidak dicemari; dan
 - (b) bilangan kes pencemaran sungai-sungai yang telah dihadapkan ke mahkamah.
37. 39-100333
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan yang diambil bagi memastikan kemasukan barang makanan yang diimport yang disahkan tanda halal oleh Kerajaan, kerana didapati terdapat barang makanan import dari negara luar seperti Thailand dan Negara China yang mempunyai tanda halalnya sendiri dan mencurigakan pengguna yang beragama Islam. Apakah langkah yang diambil terhadap barangan keluaran tempatan yang menggunakan tanda halal yang tidak diiktiraf itu.

38. 17-100051
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah usaha-usaha untuk meningkatkan semangat pelajar-pelajar yang lemah dan pembelajaran mereka di sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil dan setakat ini apakah keberkesanan usaha-usaha tersebut.
39. 19-100168
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah prosedur tapisan filem untuk klasifikasi dibuat sedangkan ada filem-filem yang bercorak keganasan melampau ditayangkan di pawagam seluruh Malaysia. Filem bercorak keganasan melampau sudah tentu memberi kesan buruk kepada remaja, seterusnya mempengaruhi individu untuk melakukan jenayah, sedangkan Kerajaan sedang berusaha menurunkan kadar jenayah yang kian meningkat statistiknya.
40. 17-100040
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bilangan rakyat Malaysia mengikut kaum yang bermastautin di negara asing juga senarai sepuluh negara yang mempunyai jumlah terbanyak rakyat Malaysia bermastautin di situ dan jumlah rakyat mengikut kaum di setiap negara itu. Apakah sumbangan rakyat Malaysia yang bermastautin di negara-negara asing itu.
41. 37-100116
Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa banyakkah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang telah mendapat bantuan kewangan daripada Kementerian dan apakah syarat-syarat yang diperlukan oleh NGO ini untuk mengemukakan permohonan.
42. 40-100173
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah usaha yang akan, sedang dan telah dilakukan oleh Kerajaan dengan kerjasama negara-negara serantau dalam menjamin perairan Selat Melaka bebas dari ancaman lanun dan penganas.
43. 38-100263
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan dapat mengawal kebanjiran pekerja asing di negara ini sehingga mereka merampas peluang pekerjaan yang sepatutnya dinikmati rakyat tempatan.

44. 25-100255
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapakah terdapat banyak aduan tentang kelemahan Kerajaan tempatan yang tidak mampu memberi perkhidmatan terbaik. Apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.
45. 9-100288
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk memberi kelonggaran kepada bekas anggota ATM dan bekas polis yang memohon permit teksi.
46. 38-100260
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan Kerajaan menangani gejala pelajar ponteng sekolah dan menghabiskan masa mereka di pusat-pusat permainan video dan kompleks membeli-belah.
47. 45-100143
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah kerugian yang alami oleh universiti-universiti awam akibat perbuatan vandalisme para peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang lepas.
48. 53-100221
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kerajaan sedar akan perbezaan di antara pekerja ladang (Estate) dan setinggan haram di mana penempatan mereka ke rumah kos rendah ini digolongkan dalam kumpulan yang sama; dan apakah Kerajaan akan meneliti untuk mengasingkan pekerja ladang dan setinggan dalam memberi bantuan kewangan serta rumah murah kos rendah mengikut kedudukan dan sumbangan mereka kepada pembangunan.
49. 52-100394
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah jangka panjang dan jangka pendek yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan penjualan rumah-rumah kos rendah yang tidak terjual.
50. 7-100236
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah Kementerian akan merangka satu rancangan khas untuk menukarkan sekolah-sekolah Tamil berbantuan modal kepada bantuan penuh memandangkan sekolah-sekolah bantuan modal jauh ketinggalan dari segi kemudahan dan infrastruktur, jika tidak apakah sebabnya.

51. 9-100297
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi menghalang para penagih agar tidak mencari alternatif lain yang lebih murah dan mudah diperolehi bagi menggantikan dadah (heroin) seperti daun ketum, gam, tahi lembu, ubat batuk dan ganja.
52. 19-100162
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah selanjutnya yang akan diambil oleh Kementerian terhadap penangkapan ke atas pelajar sekolah yang didapati melepak di pusat-pusat hiburan kafe siber pada waktu sekolah dan lepas waktu sekolah.
53. 34-100379
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) berapakah jumlah banduan mengikut kaum, jantina, umur dan tempoh tahanan termasuk warganegara asing dalam menjalani hukuman penjara hari ini; dan
 - (b) berapakah jumlah kos perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan bagi membiayai tanggungan tersebut.
54. 4-100211
Puan Jaya Partiban minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang menubuhkan jawatankuasa khas bersama dengan Kementerian Penerangan untuk memantau iklan-iklan berkaitan dengan kesihatan supaya orang awam tidak dipengaruhi dengan mudah.
55. 39-100322
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh JAKIM untuk rakyat memahami secara jelas mengenai konsep Islam Hadhari kerana kemenangan Barisan Nasional baru-baru ini adalah di atas kepercayaan rakyat kepada konsep Islam Hadhari itu tetapi ada di kalangan rakyat masih tidak faham secara jelas tentang konsep ini.
56. 38-100267
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah yang akan diambil bagi meningkatkan jumlah kaunselor yang berdaftar dengan Kementerian bagi membantu menangani kes-kes termasuk kesihatan mental.

57. 52-100393
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah (RM) projek-projek rumah kos rendah yang terbengkalai dan apakah peranan dan tindakan yang diambil oleh Syarikat Perumahan Negara (SPN) di dalam menyelesaikan masalah ini dengan segera.
58. 12-100383
Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai tatacara kawalan dalam menentukan kaedah, piawaian dan skop pemantauan mengenai kandungan kursus dan sistem pemarkahan yang diamalkan di IPTA/IPTS untuk mengelakkan dari kemungkinan berlakunya gara-gara "favouritism" dan sebagainya di kalangan Penyelia dan Pemeriksa apabila mereka dibenarkan menggunakan "budibicara" untuk memberi markah kepada para pelajar bagi kertas-kertas tertentu.
59. 5-100370
Puan Nosimah binti Hashim minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan adakah Kementerian akan memastikan filem-filem tempatan dan program drama TV lebih banyak memaparkan unsur-unsur Islam dan moral serta perlu ditingkatkan mutu drama yang dihasilkan.
60. 48-100003
Dato' Dr. Chin Fook Weng minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memperkukuhkan lagi keyakinan rakyat terhadap institusi kehakiman memandangkan masih ada persoalan tentang pelantikan, kenaikan pangkat dan mutu para hakim.
61. 14-100296
Tuan Krishnan a/l Maniam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah tindakan pihak Kementerian bagi memastikan kelengkapan dan kemudahan asas di klinik-klinik terutamanya di kawasan estet di dalam keadaan baik bagi mencapai "Zero Defect" supaya pekerja-pekerja estet juga dapat berpeluang menikmati perubatan yang terbaik.
62. **Che Puan Kelana D'Raja Datin (Dr) Hajah Nik Azizah Binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk menangani kes-kes ragut dan samun yang begitu serius berlaku dewasa ini dan memandangkan sudah tiga kematian yang berpunca daripadanya.

63. 21-100160
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan memandangkan Singapura adalah pusat pelancongan antarabangsa untuk pelancong adakah Kementerian boleh menggalakkan Singapore Airline untuk menyambung penerbangan terus menerus ke Kota Kinabalu untuk menggalakkan lebih ramai pelancong dari negara itu untuk melawat Sabah.
64. 52-100395
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah dividen yang diumumkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) baru-baru ini akan terus dikekalkan pada masa hadapan dan apakah insentif-insentif yang akan diperkenalkan memandangkan prestasi yang baik oleh KWSP pada tahun ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|---------------|--|------------------------|
| 1. | (D.R.6/2004) | Rang Undang-undang Fi (Taman Laut Malaysia)(Pengesahan) 2004 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 2. | (D.R.8/2004) | Rang Undang-undang Racun MakhluK Perosak (Pindaan) 2004 | “ |
| 3. | (D.R.11/2004) | Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 2004 | “ |
| 4. | (D.R.1/2004) | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 | “ |

5. 45-100144

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan untuk mengarahkan Kerajaan, khususnya Perbadanan Putrajaya supaya memastikan penggunaan bahasa kebangsaan didaulatkan sepenuhnya di Putrajaya selaras dengan peruntukan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Dewan ini melahirkan rasa kesal dengan penggunaan istilah-istilah asing seperti perkataan "precint"di Putrajaya sehingga menjejaskan kedudukan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang berjiwa kebangsaan yang merdeka dan berdaulat. Kerajaan sepatutnya memastikan bahasa kebangsaan didahulukan dalam semua penggunaan, kecuali jika tidak terdapat perkataan bahasa Melayu atau bahasa serumpun, barulah wajar bahasa asing digunakan. Dewan ini juga sangat kesal dengan kecuaiian Kerajaan dalam mendaulatkan bahasa Kebangsaan di pusat pentadbiran itu sehingga menjadi galakan yang boleh merosakkan bahasa Kebangsaan".

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2004</u>	<u>RISALAT/DOKUMENT</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.12	Laporan Tahunan Universiti Putra Malaysia (UPM) Tahun 2002	21 Julai 2004
ST.117	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia Bagi Tahun 2002	21 Julai 2004
ST.118	Akta Jalan Persekutuan 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.10) 2004 -Negeri Terengganu (Jalan Pintas Telok Kalong, Jalan Semarak dan Jalan Kompleks Sukan)	21 Julai 2004
CMD.15	Penyata Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 2004	21 Julai 2004
CMD.15A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 2003 Bagi Kerajaan Malaysia	21 Julai 2004
CMD.16	Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.2) Tahun 2003	21 Julai 2004
CMD.16A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2003	21 Julai 2004
CMD.17	Penyata Keluaran Wang Daripada Kumpulan Wang Luar Jangka Bagi Tempoh dari 25 Julai 2003 Hingga 31 Disember 2003 Menurut Peraturan 68 Di Bawah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	21 Julai 2004